


Antara bencana melanda Indonesia



> TSUNAMI... seorang wanita mencari mayat anggota keluarganya di deretan mayat mangsa tsunami yang sudah berbau di Aceh pada Disember 2004.




> GEMPA BUMI... bandar Gunung Sitoli ranap selepas gempa bumi yang melanda pulau Nias pada 29 Mac 2005 menyebabkan kira-kira 1,000 terbunuh.



> NAHAS UDARA... pesawat Mandala Airlines jatuh terhempas di kawasan perumahan di Medan, Sumatra, 5 September 2005, menyebabkan 149 terbunuh.

Tragedi silih berganti



BERSERAH...
seorang jemaah
khusyuk
mengaminkan doa
memohon
dijauhkan bencana
selepas solat
Jumaat di sebuah
masjid di Jakarta,
kelmarin.

Sekurang-kurangnya 20 malapetaka besar melanda Indonesia bermula tsunami 2004 menyebabkan 200,000 terkorban

>>Oleh **TUAN ASRI TUAN
HUSSEIN dan ASMIZAN MOHD
SAMIRAN**

metahad@hmetro.com.my

“PEMERINTAH
arah adakan solat
taubat nasional.”
Itulah tajuk utama
akhbar Republika, Indone-
sia, Khamis lalu. Ia secara
tidak langsung memberi
gambaran betapa pemimpin
negara umat Islam terbesar
di dunia itu seolah-olah bun-
tu dalam menghadapi ben-
cana yang tidak putus-putus
melanda.

Justeru, sewajarnya tawa-
kal menjadi jalan terbaik me-
reka. Tidak sukar untuk me-
mahami kegelisahan yang
kini dirasai Presiden Susilo
Bambang Yudhoyono kera-
na sesiapa saja yang ada di
tempatnya pasti turut ‘ber-
perasaan sedemikian.

Tidak perlu mengimbas
terlalu jauh untuk menyen-
naraikan rentetan tragedi
bencana alam atau kemala-
ngan besar di Indonesia
yang meragut ribuan nyawa
kerana senarainya akan jadi
terlalu panjang.

Sebaliknya, memadai ben-
cana tsunami pada 26 Di-
seMBER 2004 dijadikan titik
mula.

Rekod menunjukkan sejak
kejadian itu sehingga terbaru
— kemalangan pesawat Ga-

ruda yang meletup dan ter-
bakar ketika mendarat Selasa
lalu — sekurang-kurangnya
20 malapetaka besar melan-
da Indonesia bersilih ganti
membabitkan kehilangan
hampir 200,000 nyawa.

Selain bencana alam se-
perti gempa bumi, tanah
runtuh dan banjir, negara
republik itu tidak sunyi de-
ngan kemalangan besar
membabitkan kapal terbang
terhempas serta feri karam,
selain ancaman wabak maut
selesema burung.

“Solat taubat diharapkan
dapat mengurangi cubaan
yang banyak dialami bangsa
ini dalam beberapa tahun
terakhir. Di Jakarta, Presiden
mengarahkan seluruh men-
teri dan alim ulama melak-
sanakan solat itu di Masjid
Istiqlal,” lapor Republika
yang memetik kata Menteri
Agama, M Maftuh Basyuni.

Untuk 2007 saja, sebaik
tirai tahun baru dibuka pada
1 Januari, Indonesia meny-
ambutnya dengan mala-
petaka apabila 102 penun-
gang dan anak kapal pesawat
Adam Air hilang berdekatan
Sulawesi.

Sehingga hari ini semua
mangsa tidak ditemui dan
dianggap terbunuh, mana-
kala hanya cebisan sayap pe-
sawat ditemui tenggelam di
dasar lautan.

Menyusul tepat sebulan



> **WABAK...** kakitangan Kementerian Pertanian Indonesia
menyembur ubat pada ayam di pasar Yogyakarta untuk mencegah
penularan wabak selesema burung.



> **GEMPA BUMI...** saki baki deretan rumah yang musnah
di kawasan tanah tinggi di Sumatera Barat, Isnin lalu.



> NAHAS... feri dalam pelayaran dari Jakarta ke Pulau Bangka, Sumatera terbakar pada 22 Februari lalu, menyebabkan 53 penumpangnya terbunuh dan puluhan lagi hilang.

> GEMPA BUMI... hanya tinggal bumbung dan runtunan batu selepas puluhan ribu rumah musnah akibat gempa bumi di Yogyakarta pada Mei tahun lalu.

> BANJIR BESAR... pandangan udara mengenai keadaan banjir yang melanda kawasan penempatan penduduk Jakarta, Februari lalu.

H.M 11/03/07 MS 3



MASIH BERASAP... kapal terbang Garuda terhempas di Yogyakarta pada 7 Mac lalu, mengorbankan lebih 20 nyawa.

>Kronologi bencana Disember 2004 – Mac 2007

26 Disember 2004: Gempa bumi berukuran 9.3 pada skala Richter di utara Sumatera mencetuskan ombak besar tsunami, mengorbankan lebih 168,000 penduduk Indonesia.

28 Mac 2005: Pulau Nias, Sumatera utara dilanda gempa bumi berukuran 8.7 pada skala Richter, mengakibatkan lebih 1,000 penduduk terkorban.

20 Julai 2005: Menteri

hilang selepas sebuah feri yang dalam perjalanan dari Kupang ke Pulau Rote karam di perairan di timur Indonesia.

27 Mei 2006: Yogyakarta digegarkan dengan gempa bumi berukuran 6.2 pada skala Richter. Lebih 5,700 nyawa melayang, manakala setengah juta penduduk hilang tempat tinggal.

29 Mei 2006: Kerja cari gali minyak di Pulau Jawa

29 Disember 2006: Feri Senopati Nusantara yang membawa 628 penumpang dari pulau Borneo ke Jawa karam di Laut Jawa. Lebih 350 penumpang dilaporkan terkorban dan hilang.

1 Januari 2007: Pesawat Boeing 737 milik syarikat penerbangan Adam Air yang dalam penerbangan dari Pulau Jawa ke Manado, ibu negeri Sulawesi, hilang, mengakibatkan 102 terkorban.

kemudian iaitu pada 1 Februari lalu, berlaku pula banjir besar yang menenggelamkan Jakarta sehingga ke paras lebih satu meter, mengorbankan 80 nyawa dan menyebabkan ibu kota itu lumpuh.

Turut dilanda banjir akibat hujan lebat sepanjang Februari itu ialah beberapa kawasan lain iaitu Depok, Tangerang dan paling teruk, Bekasi apabila hampir 90 peratus wilayahnya ditenggelami.

Seolah-olah melengkapkan lagi 'jenis-jenis' bencana yang menghimpit Indonesia, sebuah feri dalam pelayaran dari Jakarta ke Pulau Bangka, Sumatera terbakar pada 22 Februari lalu, mengakibatkan 53 penumpangnya terbunuh dan puluhan lagi hilang.

Tidak sampai dua minggu Mac menjengah, tiga lagi bencana menimpa Indonesia apabila 36 terbunuh dalam kejadian tanah runtuh di Pulau Flores pada 3 Mac, 82 maut dalam gempa bumi berukuran 6.3 skala Richter di Sumatera Barat (6 Mac) sebelum disusuli kemala-

ngan pesawat Garuda.

Apakah semua rentetan bencana demi bencana ini sewajarnya dianggap takdir Tuhan atau hukum alam yang tidak boleh dielakkan?

Itulah persoalan hangat dibincangkan rakyat Indonesia di pelbagai saluran, sama ada media cetak, elektronik dan tidak ketinggalan laman sembang serta blog di internet.

Pemantauan sepintas lalu mendapati sebahagian besar tidak dapat menerima semua bencana itu disebabkan takdir dan hukum alam semata-mata, sebaliknya berpendapat faktor kealpaan manusia turut menjadi penyumbang utama.

Satu luahan hati nurani rakyat marhain melalui laman sembang di internet menarik untuk diperturunkan sebagai renungan:

"Bencana yang sebenarnya bagi bangsa Indonesia bukan bencana itu sendiri, tetapi sikap kita yang tidak mahu belajar daripada bencana yang rutin terjadi setiap musim. Sikap kita yang tidak peduli dan alpa dengan tragedi yang berlaku, itulah se-

benarna bencana.

"Justeru, marilah kita belajar dan belajar. Tanpa belajar akhirnya kita akan menjadi bangsa terbodoh dan termiskin di dunia."

Mudah-mudahan Susilo dan barisan kepemimpinannya terbaca luahan rakyat marhain itu kerana ia ada asas serta kebenarannya.

Sebagai orang Islam, kita semua yakin apa juga kejadian, bencana, penentuan hidup dan mati setiap manusia hak mutlak serta ketetapan Allah SWT.

Bagaimanapun, sebagai khalifah yang dikurniakan kelebihan akal fikiran, manusia mampu berusaha untuk mengelak ditimpa musibah lebih besar dengan melakukan persediaan rapi dan sentiasa berjaga-jaga dalam menghadapi kemungkinan ancaman alam sekitar.

Paling penting, kenyataan di atas juga bukan sekadar untuk Susilo dan rakyat Indonesia, sebaliknya ia perlu menjadi pegangan kepada kita seluruh rakyat Malaysia yang kebelakangan ini turut kerap diduga dengan bencana tidak kurang hebatnya.

Kesehatan Indonesia, Siti Fadilah Supari mengesahkan pekerja Kementerian Kewangan berusia 38 tahun dan dua anak perempuannya maut akibat selesema burung. Mereka mangsa terawal penyakit berkenaan dan sehingga Februari 2007 angka korban meningkat sehingga 64 orang.

5 September 2005: Sebuah pesawat Boeing 737 milik Mandala Airlines terhempas di sebuah kawasan perumahan di Medan, menyebabkan sekurang-kurangnya 149 orang terbunuh.

2 Januari 2006: Banjir kilat akibat hujan lebat yang melanda daerah Jember, Jawa Timur, mengorbankan 59 penduduk.

4 Januari 2006: Sekurang-kurangnya 200 orang terbunuh apabila tanah runtuh menimbus kampung Cijeruk di Pulau Jawa.

1 Februari 2006: Sekurang-kurangnya 40 orang

menyebabkan limpahan lumpur melitupi kawasan seluas 250 hektar, mengorbankan 15 nyawa dan lebih 10,000 terpaksa berpindah.

20 Jun 2006: Banjir kilat dan aliran lumpur akibat hujan lebat mengakibatkan 300 terbunuh di Sulawesi Selatan.

22 Jun 2006: Akibat cuaca buruk, feri Sinar Mulia Indah karam di perairan Sumatera, mengakibatkan 16 maut manakala 20 lagi penumpang hilang.

17 Julai 2006: Gempa bumi berukuran 7.7 pada skala Richter di pantai Jawa Barat mencetuskan tsunami, menyebabkan lebih 600 orang terkorban dan lebih 100,000 hilang tempat tinggal.

24 Disember 2006: Banjir dan tanah runtuh mengakibatkan lebih 100 terbunuh dan 400,000 hilang tempat tinggal di barat laut Sumatera.

1 Februari 2007: Jakarta dilanda banjir besar, mengakibatkan lebih 80 orang maut.

22 Februari 2007: Feri Lavina I yang dalam perjalanan dari Jakarta ke Pulau Bangka terbakar, mengakibatkan lebih 50 penumpang maut dan berpuh lagi hilang.

3 Mac 2007: Pulau Flores dilanda banjir kilat dan tanah runtuh. Sekurang-kurangnya 36 orang terkorban dan 38 hilang.

6 Mac 2007: Wilayah Padang, Sumatera Barat digegarkan dengan gempa bumi berukuran 6.3 pada skala Richter, mengakibatkan 85 penduduk terkorban dan 200 cedera.

7 Mac 2007: Pesawat Boeing 737 Garuda Indonesia meletup selepas terbakar ketika mendarat di Lapangan Terbang Adi Sutjipto, Yogyakarta, menyebabkan 21 penumpang terbunuh.